

Perdagangan Mata Wang (Forex)-Kedudukannya dalam Undang-Undang dan Kesannya ke atas Ekonomi

Definasi Forex

Forex adalah satu pertukaran dari satu mata wang kepada suatu matawang yang lain - Setiap perdagangan Forex secara teoritis dapat dipandang sebagai perdagangan di mana anda harus menjual satu matawang lain untuk mendapatkan matawang yang lain.¹

Undang-undang terpakai di Malaysia

Undang-undang berkaitan dengan perdagangan matawang asing adalah seperti berikut:-

Exchange Control Act 1953

Money Changing Act 1998 (Act 577)

Akta "Exchange Control 1953" adalah Akta utama yang mengawal operasi serta pengendalian perdagangan forex di Malaysia dan Bank Negara Malaysia adalah institusi yang telah diberikan kuasa untuk mentadbir Akta tersebut². Menurut Akta tersebut, adalah menjadi satu kesalahan bagi

¹ <http://www.malaysiaforex.com.my/forextrading.html> accessed on 20th May 2011.

² Section 3(1) Akta Exchange Control Act 1953- "Bank Negara shall be responsible for administering, enforcing, carrying out, and giving effect to, the provisions of this Act and the Governor of Bank Negara shall be the Controller of Foreign Exchange for the purposes of this Act and shall exercise, discharge, and perform on behalf of Bank Negara Malaysia, the powers, duties and functions conferred on the Controller under this Act.

seseorang untuk membeli atau menjual matawang asing dari orang selain dari “authorised dealer”³. Bagi tujuan tersebut, Bank Negara Malaysia telah menyenaraikan institusi serta badan badan yang dibenarkan untuk menjadi “authorised dealer” di dalam perdagangan matawang asing di Malaysia.

Objektif utama undang undang yang mengawal forex adalah untuk mengelakkan perdagangan matawang forex haram serta memastikan tiada pihak menjalankan pembiayaan kegiatan haram seperti keganasan.

Pendahuluan

Forex iaitu perdagangan matawang asing adalah suatu perdagangan yang mempunyai tarikan serta keunikannya sendiri yang tidak dapat ditandingi oleh perdagangan kewangan lain.

Ini adalah kerana ianya merupakan pasaran kewangan yang terbesar di dunia, dengan nilai dagangan purata harian lebih dari US1 trillion sehingga US3 trillion, di mana saiz perdagangan ini ialah 30 kali lebih besar dari gabungan kesemua pasaran ekuiti atau kewangan di Amerika Syarikat⁴.

³ Section 4(1) Except with the permission of the Controller, no person, other than an authorised dealer, shall, in Malaysia-

- (a) buy or borrow any gold or foreign currency from;
- (b) sell or lend any gold or foreign currency to; or
- (c) do any act which involves, is an association with, or is preparatory to, buying or selling or lending any gold or foreign currency to, any person other than an authorised dealer.

⁴ <http://hotbuzznews.net/forex-market.malaysia>. Accessed on 20th May 2011.

Pasaran FOREX diceburi dan dikendalikan oleh peserta yang begitu besar jumlahnya dan secara teorinya tanpa dimonopoli oleh satu pemain, termasuk kerajaan, bank bank sentral, bank swasta, syarikat-syarikat antarabangsa, pengurus wang dan semua jenis spekulator.

Kelebihan Kelebihan pasaran perdagangan Forex

Di antara kelebihan pasaran perdagangan Forex adalah seperti berikut:-

- Sebagai pelaburan terbesar di dunia dan di buka 24 jam sehari, 5 hari seminggu⁵;
- Forex adalah dagangan dua hala. Pelabur boleh mengaut keuntungan semasa pasaran turun dan juga naik.
- Transaksi forex sangat pantas, semua transaksi jual beli dilakukan secara online melalui internet.
- Lebih 4,500 bank dari seluruh dunia berdagang dalam forex
- Sebelum 1996 modal forex dibuka kepada orang ramai selepas diluluskan buat pertama kali oleh Presiden Amerika Syarikat ketika itu iaitu Bill Clinton. Kini purata dagangan harian mencapar USD3 trillion.
- Pasaran forex sangat berkuasa sehingga mampu menjatuhkan ekonomi sesebuah negara dalam sekip mata.
- Broker forex kini bertambah banyak sehingga ada yang menawarkan modal minima sehingga USDD100 (malah ada yang USD1).
- Forex juga dipanggil Spot markett

⁵ Peserta pasaran forex boleh mengambil posisi sebelum maklumat penting diambil kira dan dimasukkan kedalam kadar pertukaran.

- Forex tiada headquarters atau satu lokasi tertentu untuk melakukan transaksi pertukaran matawang⁶.
- Pelabur pelabur kecil Forex boleh berurusan melalui 2 jenis akaun iaitu akaun standard dan akaun mini.
- Jumlah dagangan (volume) Forex adalah melebihi 4 hingga 5 kali saiz pasaran niaga hadapan (futures).
- Pasaran Forex tidak dikawal oleh mana mana negara atay kawalan pasaran sentral dan harga tidak boleh dipermainkan.
- Boleh dimulakan dengan modal yang kecil, automatik trading serta ada akaun demo dengan harga realtime.
- Risiko kerugian boleh dikawal dan tiada perantaran (orang dalam) tidak seperti yang berlaku dalam pasaran saham.

Disebabkan kelebihan kelebihan⁷ ini maka Malaysia sebagai sebuah negara berdagang tidak ketinggalan di dalam menyertai pasaran forex dimana pertumbuhan ekonomi yang berkembang menyaksikan peningkatan di dalam nilai matawang Ringgit Malaysia. Keadaan ini menyakinkan pelabur pelabur bahawa Malaysia adalah negara sesuai untuk mendapat pulangan di dalam perdagangan forex.

Malaysia khususnya, mempunyai infrastruktur yang menyokong perdagangan forex yang sihat melalui pentadbiran Bank Negara Malaysia yang menjalankan peranannya, antara lain untuk mengawal selia operasi dan perjalanan perdagangan forex. Sering kali, Bank Negara Malaysia memantau

⁶ Urusan transaksi dibuat melalui telefon atau terminal computer di pelbagai lokasi serata dunia.

⁷ <http://www.malaysiaforex.com.my/forextrading.html>

keadaan pasaran untuk mengelakkan berlakunya perdagangan matawang asing haram serta mengambil langkah langkah sesuai bagi mengurangkan kadar inflasi menerusi campur tangannya di dalam rejim kadar pertukaran matawang asing.

Secara keseluruhannya, Bank Negara Malaysia memastikan bahawa perdagangan forex dijalankan di dalam keadaan pasaran terkawal yang mana ini menjadi faktor utama pasaran tersebut dilindungi dari tekanan tinggi oleh spekulator dan keadaan ekonomi sedunia.

Kesan Forex ke atas ekonomi sebuah negara

Perdagangan matawang melibatkan perpindahan jumlah wang yang amat besar pada setiap hari apabila pelabur pelabur menjual dan membeli matawang sesama sendiri. Terdapat banyak faktor yang memberi kesan kepada nilai matawang sebuah negara termasuk aktiviti perniagaan, senario dan peristiwa politik, polisi kewangan kerajaan dan bank sentral, pasang surut pasaran saham dan kewangan, serta arah tuju pelaburan antarabangsa.

Kadar pertukaran matawang merupakan suatu petanda ekonomi yang mempengaruhi pelbagai aspek ekonomi negara termasuk inflasi, prestasi impot expot yang akan secara langsung memberi kesan kepada output ekonomi. Sekiranya nilai matawang turun, para pengeksport akan mendapat manfaat oleh kerana harga barang keluaran menjadi lebih murah. Namun, penurunan kadar matawang boleh memberi kesan negatif kepada pengimpot dan penghutang asing disebabkan kos impot dan pembayaran hutang asing

yang akan meningkat tinggi. Tambahan lagi, penurunan kadar matawang juga akan menyebabkan kenaikan inflasi yang akan memberi tekanan kepada ekonomi.⁸

Sedemikian, oleh kerana pasaran matawang merupakan pasaran terbesar di dunia dengan peserta yang besar jumlahnya, sesebuah negara mudah terdedah kepada risiko risiko pasaran tersebut sekiranya sesebuah negara tersebut tidak meletakkan langkah langkah efektif.

Bank Negara Malaysia menjalankan peranan penting didalam mengawal perdagangan matawang bagi mengelakkan berlakunya kesan negatif ke atas ekonomi. Apabila matawang Ringgit Malaysia dianggap terlalu pantas pergerakan dagangannya dalam tempuh yang singkat, ianya akan mengganggu aktiviti ekonomi. Kenaikan nilai matawang Ringgit yang begitu mendadak tidak memberi manfaat kepada para pengeksport. Sebaliknya, kenaikan nilai matawang haruslah dengan kadar berperingkat untuk memberi peluang kepada pengeksport untuk bersedia menghadapi kesan dari kenaikan nilai matawang ke atas output eksport mereka. Dalam hal ini, Bank Negara perlu mencelah untuk memberi imbalan kepada nilai impot eksport negara dan sehingga pada suatu ketika ekonomi kita mampu membiarkan nilai matawang Ringgit berdagang pada nilai sebenar matawang tersebut⁹.

⁸<http://www.articlefield.com/309422/forex-malaysia-investing-currency-in-southeast-asia>.

⁹ Kesimpulan dari artikel berbahasa Inggeris, Anna Taing, "We cannot have our cake and eat it too", The Edge, bertarikh 2hb Mei, 2011.

Penganalisa ekonomi banyak memperkatakan bahawa perdagangan matawang forex memberi ruang kepada spekulator untuk memanipulasikan matawang sehingga boleh menyebabkan ketidakstabilan ekonomi negara. Krisis kewangan Asia Tenggara sekitar tahun 1997 dikatakan berpunca dari kegiatan manipulasi perdagangan matawang yang disengajakan oleh sekumpulan pelabur pelabur. Mengikut analisa tersebut, tujuan utama kegiatan manipulasi tersebut yang telah mengakibatkan kejatuhan ekonomi negara negara di Asia Tenggara adalah untuk membuka laluan kepada suatu bentuk penjajahan ekonomi apabila ada di antara negara negara tersebut terpaksa tunduk kepada intervensi pihak asing seperti International Monetary Fund¹⁰.

Terdapat kumpulan penganalisa ekonomi lain yang tidak bersetuju dengan pendapat bahawa sebab utama krisis kewangan sekitar tahun 1997 di Asia Tenggara adalah manipulasi pedagang matawang semata mata. Kumpulan ini berpendapat bahawa kegawatan ekonomi negara negara tersebut lebih kepada kegagalan negara negara terbabit di dalam melaksanakan langkah langkah serta menyediakan infrastruktur bagi mengelakkan berlakunya manipulasi matawang. Mereka berpendapat bahawa perdagangan matawang adalah kritikal untuk pertumbuhan ekonomi sesebuah negara terutama didalam mengimbang antara kos impot dan eksport¹¹.

¹⁰ Rumusan dari Artikel berbahasa Inggeris bertajuk "Asian Financial Crisis 1997", http://encyclopedia.org/wiki/1997_Asian_financial_crisis.

¹¹ Rumusan dari tajuk kecil "History" di bawah Artikel "Asian Financial Crisis 1997", http://encyclopedia.org/wiki/1997_Asian_financial_crisis.

Masalah utama di dalam perdagangan matawang forex tidak semestinya disebabkan oleh manipulasi semata mata tetapi lebih kepada pendedahan terlampau kepada risiko perdagangan matawang asing di mana sesebuah institusi mungkin terlampau bergantung kepada aktiviti perdagangan matawang asing sebagai punca pendapatan ekonomi institusi tersebut.

Beberapa tahun sebelum berlakunya krisis kewangan di Asia Tenggara sekitar tahun 1997 tersebut, seorang penganalisa ekonomi, Paul Krugman pernah mempersoalkan idea mukjizat ekonomi Asia di mana Krugman berpendapat bahawa pertumbuhan ekonomi negara-negara Asia adalah berasaskan pertambahan pelaburan modal semata mata; sementara tiada perkembangan didalam produktiviti pengeluaran dicatat. Krugman menekankan pendapat bahawa bagi sesebuah ekonomi untuk bertahan, pertumbuhan ekonomi haruslah bersandarkan kepada pelaburan berkait dengan ekonomi yang nyata, seperti industri pertanian, industri gas, minyak, arang batu dan sebagainya. Walhal pertumbuhan ekonomi negara-negara Asia terbabit adalah rata-rata bersandarkan pelaburan yang dipandu oleh sentimen yang terdedah kepada spekulasi seperti industri pembinaan, Real Estate, industri teknologi, dan projek-projek pembangunan yang tidak bermanfaat. Di dalam industri Real Estate misalnya, spekulator berjaya menimbulkan permintaan tinggi terhadap rumah kediaman walaupun ia belum siap dimana spekulator akan membeli beberapa rumah kediaman dengan tujuan untuk menjual semula pada harga yang lebih tinggi.

Kesimpulan

Sekira dilihat dari mata kasar, perdagangan matawang adalah suatu perdagangan yang menganggap matawang sebagai “komoditi” di mana prinsip ini mungkin bercanggah dengan prinsip Shariah yang tidak memberi nilai kepada matawang selain dari ianya sebagai perantaraan pertukaran dagangan.

Namun, perdagangan matawang forex adalah dibenarkan oleh Majlis Shariah Kebangsaan Bank Negara Malaysia tertakluk kepada syarat syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis tersebut¹². Rasional perdagangan matawang dibenarkan adalah antara lainnya atas dasar “masalah” di mana ada kalanya keperluan kepada mekanisma ini untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan sebagai mekanisma “defensive” untuk mengelakkan mitalnya, inflasi di dalam ekonomi negara.

Bagi mendapat manfaat maksimum dari perdagangan matawang forex, pertumbuhan ekonomi sesebuah negara hendaklah berlandaskan kepada pelaburan berkait dengan aktiviti ekonomi yang tulen (“real invesment based on real economic productivity) dan mengelakkan pendedahan melampau kepada risiko pasaran perdagangan matawang asing.

¹² Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, Edisi Kedua, Oktober 2010, Bank Negara Malaysia, mukasurat 137.